

BERITA HARIAN

Berita Wilayah

01 June 2018

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/05/432480/ptp-edar-3000-pek-bubur-lambuk>



MARCO Neelsen (lima dari kanan) bersama-sama dengan sukarelawan PTP dan Ketua Kampung dari Kampung Gelang Patah semasa majlis penyerahan Bubur Lambuk. - Foto Ihsan PTP

PTP edar 3,000 pek bubur lambuk

JOHOR BAHRU: Sebanyak 3,000 pek bubur lambuk diedarkan kepada warga kerja Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan enam masjid terpilih di kawasan Gelang Patah sempena Ramadan.

Program Pengagihan Bubur Lambuk 2018 anjuran pihak pengurusan PTP, Kelab Keluarga PTP (KKPTP) dan Surau At Taqwa PTP itu disertai 100 sukarelawan PTP dari pelbagai jabatan dan unit.

Ketua Pegawai Eksekutif PTP, Marco Neelsen, berkata program itu bertujuan memupuk semangat kekeluargaan kakitangan PTP bersama masyarakat setempat.

"Tahun ini, kesemua sukarelawan bergotong-royong memasak sendiri bubur lambuk mengikut resipi tradisional yang menggunakan pelbagai herba dan rempah-ratus.

"Pendekatan kali ini dilihat lebih bermakna dalam memupuk semangat kerjasama antara warga PTP yang menjayakan program bubur lambuk ini," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Enam masjid terpilih di kawasan Gelang Patah ialah Masjid Kampung Tiram Duku, Masjid Kampung Pok, Masjid Desa Paya Mengkuang, Masjid Kampung Ladang, Masjid Kampung Pekajang, Masjid Tanjung Adang dan Masjid Abu Hurairah.